



# جَبَاتِن كَحَاكِمِن شَرَعِيَّة نِكْرِي سَمْبِيلَن

**JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**  
Karung Berkunci No. 37, Jalan Dato' Hamzah, 70000 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus  
Tel : 06 - 763 1241 / 06 - 763 1011 / 06 - 763 1012 / 06 - 763 1013 Faks : 06 - 764 5426  
e-mail : jksnns@esyariah.gov.my



JKSNS.84(01)451/1(11)

**26 Shaaban 1432H/  
28 Julai 2011**

Penolong Pendaftar Kanan,  
Penolong-penolong Pendaftar,  
Pembantu-pembantu Pendaftar,  
Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan

## **PEKELILING AM KETUA PENDAFTAR BIL. 8 TAHUN 2011**

**Penyerahan Perintah/Salinan Perintah Termeterai Bagi Kes-Kes Yang Diwakili Oleh  
Peguam Syarie.**

Saya ingin menarik perhatian tuan-tuan dan puan-puan kepada keputusan Muzakarah Pegawai-Pegawai Syariah Negeri Sembilan Bil. 1 Tahun 2011 dan pengesahan oleh Ketua Hakim Syarie Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan telah bersetuju untuk menerima pakai Pekeliling Am Ketua Pendaftar berhubung penyerahan perintah/salinan perintah termeterai bagi kes-kes yang diwakili oleh Peguam Syarie. Mahkamah tidak akan mengeluarkan sebarang Perintah/ Salinan perintah termeterai terus kepada pihak-pihak yang diwakili oleh Peguam Syarie. Pihak-pihak tersebut hendaklah mendapatkan perintah/salinan perintah termeterai melalui Peguam Syarie masing-masing.

Pemakaian pekeliling ini tidak meliputi kes-kes yang dikendalikan oleh Peguam Syarie Jabatan Bantuan Guaman Malaysia.

Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 1 Ogos 2011.

Saya yang menurut perintah,

**(Mamat Haizan b. Salleh)**  
**Ketua Pendaftar**  
**Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan.**